

**NO. SOALAN : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dengan kerjasama **PETRONAS** untuk membendung kitaran tidak menentu harga gas asli cecair (LNG) di pasaran.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gas asli cecair merupakan suatu produk utama yang dikeluarkan oleh Malaysia. Tidak dinafikan faktor-faktor seperti kelembapan harga minyak mentah global, kemunculan pengeluar gas asli cecair yang baru (seperti Amerika Syarikat dan Australia) dan juga kelembapan permintaan telah sedikit sebanyak mencorakkan pasaran gas asli cecair global.

Harga gas asli cecair (LNG) adalah ditentukan oleh pasaran global yakni berdasarkan permintaan dan pengeluaran, dan ini adalah di luar kawalan pihak Kementerian mahupun PETRONAS. Sebagai contoh, harga LNG telah merosot daripada purata USD8 per milion British thermal unit (mmBtu) pada April 2015 kepada USD6 per mmBtu pada April 2016. Walau bagaimanapun, PETRONAS telah meningkatkan pendekatan untuk membendung ketidakpastian pasaran LNG dengan memperbagaikan terma kontrak untuk kontrak jangka pendek atau kontrak jangka panjang. Di samping itu, PETRONAS dengan kerjasama pihak Kementerian yang terbabit turut memperluaskan pasaran jualan ke rantau baru, seperti India, Timur Tengah dan Asia Tenggara.

Adalah diharap langkah-langkah yang diambil ini mampu mengurangkan impak kitaran tidak menentu harga gas asli cecair di pasaran

Sekian, terima kasih.